

ISTILAH MELAYU DAN ARAB DALAM WACANA MUAMALAT

(Malay and Arabic Terms in Muamalat Discourse)

Mohamad Fitri Mohamad Yusoff
fitrimy@hotmail.com

Zaitul Azma Zainon Hamzah
zaitulazma@yahoo.com

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel.: +603-89468672

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti manifestasi praktis sosial wacana muamalat yang dimanfaatkan dalam kerangka sistem ekonomi konvensional menggunakan pendekatan Analisis Wacana Kritis Fairclough, dan menganalisis ciri tekstual yang mendasari pembentukan wacana muamalat dalam kerangka sistem ekonomi konvensional. Kajian ini menggunakan kaedah analisis wacana. Teks Ulasan Operasi Pengarah Urusan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dijadikan sebagai bahan kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa praktis sosial yang dimanfaatkan dalam wacana muamalat adalah ihsan yang dimanifestasi melalui penggunaan kata/istilah. Dari segi leksikal pula didapati wacana muamalat bukan sahaja menggunakan kata/istilah Melayu bukan lazim dan kata/istilah Arab tulen dalam teks berbahasa Melayu, malah terdapat juga penggunaan kata/istilah gabungan Melayu-Arab.

Kata kunci: wacana muamalat, praktis sosial, analisis wacana kritis, kerangka sistem ekonomi konvensional

Abstract

This study aims to identify the practical social manifestation of muamalat discourse which in the conventional economic system using Fairclough's Critical Discourse Analysis (CDA), and to analyse the textual features that underlie muamalat discourse within the framework of a conventional economic system. The discourse analysis method is used in this study. The text of the Operations Review of the Managing Director of Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) was used for the study. Results shows that social practice employed in muamalat discourse is a courtesy manifested through the use of words/terms. From a lexical aspect, it is revealed that muamalat discourse uses not only uncommon Malay words/terms and original Arabic words in the Malay text but also a combination of Malay-Arabic words/terms.

Keywords: muamalat discourse; social practice; Critical Discourse Analysis; conventional economic system framework

PENGENALAN

Penggunaan bahasa Melayu sebagai medium wacana sistem kewangan Islam (muamalat) yang berkembang dalam sistem ekonomi konvensional mengalami proses pasang dan surut. Hal ini tergambarkan melalui penerbitan Laporan Tahunan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) bermula dari awal penubuhannya pada tahun 1984 hingga tahun 1997 yang menggunakan format dwibahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Namun pada tahun 1998 hingga 2008 laporan tersebut ditulis sepenuhnya dengan menggunakan bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun pada tahun 2009 format dwibahasa diperkenalkan semula dan digunakan sehingga penerbitan laporan tahunan terkini, iaitu Laporan Tahunan 2012. Perkembangan tersebut perlu diteliti khususnya dalam konteks bahasa Melayu dan muamalat kerana bahasa Melayu dan Islam itu sememangnya mempunyai pertalian yang kukuh. Md. Asham Ahmad (2010) berpendapat bahawa bahasa Melayu digolongkan sebagai rumpun bahasa Islam yang berupaya menjelaskan pandangan dan praktis hidup Islam dengan tepat.

KAJIAN LEPAS

Analisis Wacana Kritis (AWK) merupakan suatu teori kritikal menganalisis wacana yang diperkenalkan oleh Norman Fairclough melalui bukunya yang berjudul *Language and Power* (1989). Beliau kemudiannya mengembangkan AWK melalui buku-buku terbitannya yang lain seperti *Discourse and Social Change* (1992), *Critical Discourse Analysis: The Critical Study of Language* (1995), *Media Discourse* (1995), dan *New Labour, New Language* (2000). Sejak awal tahun 1980 penyelidikannya berfokus pada AWK termasuk hubungan antara bahasa dengan kuasa dan ideologi serta bagaimana bahasa menggambarkan proses perubahan sosial. Selepas itu kajian utamanya berfokus pula kepada bahasa atau wacana yang berperanan sebagai elemen perubahan sosial kontemporari yang berhubungan langsung dengan fenomena globalisasi, liberalisme, kapitalisme, ekonomi berasaskan pengetahuan dan sebagainya.

AWK telah diaplikasi dalam pelbagai penyelidikan yang melibatkan analisis wacana. Antaranya termasuklah kajian oleh Margaret Kettle (2005) yang bertajuk “Critical Discourse Analysis and Hybrid Texts: Analysing English as a Second Language” (ESL). Kajian ini memberi tumpuan kepada wacana teks bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua yang terhasil akibat daripada interaksi antara penutur natif dengan penutur bukan natif bahasa Inggeris. Kajian yang dijalankan oleh Zotzmann, Karin (2007) yang bertajuk “Educating for the future: A Critical Discourse Analysis of The Field of Intercultural Business Communications” pula melihat secara kritikal aspek diskursiviti dan generik, asas konseptual, dan matmamat pendidikan baharu yang merentas pelbagai disiplin ilmu dalam konteks wacana akademik sistem pendidikan tinggi di Germany. Sementara Joseph Nnabugwu (2011) pula menganalisis wacana yang terbina hasil dialog antara agama, Islam dengan Kristian dengan melihat ideologi yang diasaskan oleh perbezaan agama dan masyarakat. Kajian yang bertajuk “Analyzing A Common Word Between Us Muslim and You Christians” ini memberi tumpuan kepada perkataan lazim yang digunakan oleh kedua-dua agama tersebut.

Analisis wacana berbahasa Melayu yang menggunakan pendekatan AWK pula dipelopori oleh Kamila Ghazali (2004) dan Idris Aman (2006). Kedua-dua pengkaji ini menggunakan pendekatan AWK untuk menganalisis wacana kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri Malaysia Ke-4 dan Presiden UMNO. Radiman Hj Junaidi


(2011) pula menganalisis wacana kepemimpinan Tun Abdullah Hj Ahmad Badawi selaku Perdana Menteri Ke-5 yang juga Presiden UMNO. Selain itu, Munif Zarirruddin Fikri Nordin (2009) telah menggunakan pendekatan AWK yang diubah suai untuk menganalisis wacana kepemimpinan Rasulullah SAW. Walaupun wacana yang dianalisis merupakan wacana berbahasa Arab dengan mengambil khutbah *Ghazawat al Rasul* sebagai bahan kajian, namun kajian tersebut dipersembahkan dalam bahasa Melayu. Perkembangan ini menjadikan pendekatan AWK sebagai pendekatan yang berpengaruh dalam analisis wacana mutakhir ini. Memandangkan kajian terhadap wacana berbahasa Melayu sebelum ini lebih tertumpu kepada wacana kepemimpinan, maka makalah ini akan memberi tumpuan kepada wacana muamalat. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti manifestasi praktis sosial wacana muamalat yang dimanfaatkan dalam kerangka sistem ekonomi konvensional dengan menggunakan pendekatan Analisis Wacana Kritis (AWK) Fairclough dan menganalisis ciri tekstual (leksikal) yang mendasari pembentukan wacana muamalat dalam kerangka sistem ekonomi konvensional.

PERNYATAAN MASALAH

Penelitian terhadap ciri tekstual dan amalan wacana telah dilakukan secara terperinci oleh Idris Aman (2006) dan Radiman Hj. Junaidi (2011). Penelitian terhadap ciri tekstual dan amalan wacana tersebut memfokus terhadap wacana kepemimpinan yang mewakili bidang politik. Hasilnya kedua-dua penyelidik tersebut berjaya merungkai ciri tekstual dan amalan wacana yang mendukung praktis kepemimpinan khalayak. Namun, penyelidik berpandangan berlaku kelompangan terhadap penyelidikan wacana berbahasa Melayu yang mewakili bidang ekonomi. Tambahan pula kehidupan bermasyarakat dan bernegara tidak hanya terarah kepada persoalan kepemimpinan dan sosiopolitik semata-mata, malah turut melibatkan latar belakang sejarah dan masyarakat, ekonomi, pentadbiran, serta lain-lain perkara yang berkaitan dengan sesebuah negara (Ruslan Zainuddin dan rakan-rakan, 2010). Oleh itu, bagi mengisi kelompangan tersebut, penyelidikan perlu dilakukan terhadap wacana muamalat dalam kerangka sistem ekonomi konvensional untuk memahami ciri-ciri tekstual dan praktis sosial wacananya.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menerapkan pendekatan Analisis Wacana Kritis (AWK) oleh Fairclough (1989, 1992, 1995). AWK menganalisis wacana secara serentak melalui tiga dimensi wacana, iaitu analisis teks, analisis amalan wacana, dan analisis praktis sosiobudaya. Analisis teks merupakan pemerihalan ciri teks. Sementara analisis amalan wacana bertujuan menginterpretasi hubungan antara teks dengan interaksi. Analisis praktis sosiobudaya pula bertujuan menjelaskan perkaitan antara interaksi dengan konteks sosial. Kaitan dialektikal antara teks dan praktis sosiobudaya dilihat melalui amalan wacana yang digambarkan oleh Fairclough melalui rajah di bawah: [Pemerihalan]



Rajah 1 Pendekatan analisis wacana tiga dimensi oleh Fairclough (1989, 1992 & 1995).

Fairclough dan Wodak (1997) menjelaskan bahawa hubungan antara praktis sosial dengan wacana ialah hubungan dialektikal atau hubungan timbal balas. Dalam perkataan lain praktis sosial mempengaruhi pembentukan wacana, dan dari sudut yang lain wacana turut berperanan memperteguh praktis sosial. Hal ini bermakna pemilihan struktur tertentu

dalam wacana muamalat berbahasa Melayu tidak dibuat secara bebas, tetapi dibuat berdasarkan praktis sosial muamalat, seperti yang ditetapkan berdasarkan prinsip Syariah dengan mengambil kira keperluan masyarakat majmuk Malaysia.

Kajian ini menggunakan kaedah kajian dokumen. Teks ulasan operasi pengarah urusan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) yang terkandung dalam Laporan Tahunan BIMB 2009. Pemilihan teks tersebut dibuat memandangkan semua aktiviti muamalat yang dikendalikan oleh BIMB dikawal selia secara langsung dan dilaporkan kepada pihak berkepentingan oleh Pengarah Urusan. Teks Ulasan Operasi tahun 2009 dipilih kerana Laporan Tahunan BIMB 2009 mengguna semula format dwibahasa (bahasa Melayu dan bahasa Inggeris) selepas sepuluh tahun (1998 – 2008) tidak menggunakan format dwibahasa tersebut.

Analisis dimulakan dengan mengenal pasti praktis sosial muamalat yang dimanifestasikan di dalam teks. Seterusnya analisis dilanjutkan kepada ciri leksikal wacana muamalat serta hubungan dialektikalnya dengan praktis sosial muamalat yang telah dikenal pasti. Data yang berupa kata/istilah Melayu bukan lazim, kata/istilah Arab, dan kata/istilah gabungan Melayu-Arab yang berkaitan dengan praktis sosial muamalat dikeluarkan daripada teks. Data tersebut kemudiannya ditandai dengan sistem penomboran dan seterusnya diinterpretasi. Data dianalisis dan dipersembahkan secara kualitatif.

Perhatian diberikan terhadap kata/istilah baharu atau tidak lazim yang ditemui, unsur makna kata/istilah tersebut. Makna kata/istilah baharu atau bukan lazim bersifat tidak stabil akibat perubahan makna untuk mendukung konsep baru. Oleh itu, model gantian dan model kamus digunakan untuk membantu interpretasi makna kata/istilah. Model gantian merupakan model yang melihat potensi makna bagi sesuatu kata/istilah berdasarkan penggunaannya dalam teks. Sementara model kamus pula merujuk makna kamus untuk mentafsir makna kata/istilah yang digunakan dalam teks (Fairclough, 1992). Walau bagaimanapun untuk kajian ini model kamus turut melibatkan Glosari Istilah Terma memandangkan glosari tersebut sememangnya dimuatkan pada bahagian akhir Laporan Tahunan BIMB.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dalam agama Islam takwa menjadi dasar kehidupan bermasyarakat yang berisikan kebudayaan (sosial, ekonomi, politik, ilmu, teknik, seni,

dan falsafah). Islam menjadi teras dalam membentuk praktis sosial yang menjadi anutan dan pegangan masyarakat. Hal ini disokong oleh Munif Zarirruddin Fikri Nordin (2009) yang melihat Islam sebagai risalah Allah dalam membentuk praktis sosial. Memandangkan kajian ini berhasrat melihat kesan perkembangan praktis sosial muamalat dalam sistem ekonomi konvensional terhadap ciri tekstual, maka analisis dimulakan dengan mengenal pasti praktis sosial wacana muamalat terlebih dahulu. Hal ini kerana praktis sosial wacana muamalat merupakan jelmaan daripada agama Islam yang membina sifat takwa, selain merupakan risalah Allah yang wajib diikuti oleh masyarakat Islam.

Praktis Sosial Wacana Muamalat

Menurut Haron Din dan rakan-rakan (1988) Islam menetapkan bahawa harta sebagai amanah Allah kepada pemiliknya yang perlu dibelanjakan mengikut panduan yang ditetapkan syariat. Islam juga menetapkan bahawa hak terhadap harta bukan terletak secara mutlak kepada pemiliknya. Orang lain juga mempunyai hak atas harta tersebut. Ketetapan Allah ini menuntut pemilik harta menunaikan hak orang lain terhadap harta tersebut dengan cara membelanjakannya mengikut kaedah tertentu seperti mengeluarkan zakat. Oleh itu, menunaikan hak orang lain dengan cara mengeluarkan zakat bukanlah merupakan pemberian berdasarkan perikemanusiaan semata-mata tetapi menunaikan perintah Allah. Inilah yang dimaksudkan sebagai ihsan. Ihsan merupakan sebahagian daripada praktis sosial muamalat. Dalam sebuah hadis riwayat Muslim, Rasulullah SAW menjelaskan konsep ihsan seperti yang berikut:

Berkatalah ia (Jibril) “Beritahu kepadaku tentang ihsan.” (Nabi Muhammad SAW) menerangkan: “(Ihsan ialah) kamu mengerjakan ibadah kepada Allah SWT seolah-olah kamu melihat-Nya, sekiranya kamu tidak dapat melihat-Nya (memang kamu tidak dapat melihat-Nya) sesungguhnya Dia (Allah SWT) melihat kamu ...”

Kamus Dewan (2010) menjelaskan bahawa ihsan merupakan kata yang berasal daripada istilah Arab yang bermaksud kebaikan, kebajikan, perbuatan yang baik dan kemurahan hati. Dalam soal pemilikan harta, hak orang lain terhadap harta tersebut perlu ditunaikan dengan kebaikan,

kebajikan dan kemurahan hati atas kesedaran bahawa Allah sentiasa mengawasi amalan hamba-hambaNya.

Ihsan tidak hanya diterjemah dengan cara menunaikan hak orang lain terhadap harta yang dimiliki dengan mengeluarkan zakat semata-mata. Ihsan dalam muamalat turut merangkumi perintah Allah agar mencari keuntungan dengan cara yang halal dan berpada, serta menghindari amalan yang bersifat menindas seperti mengamalkan riba (faedah) dalam perniagaan (Yusuf Al-Qardhawi: 2012 serta Haron Din dan rakan-rakan: 1988). Data 2009b(25) menunjukkan BIMB mengambil pendekatan mencari keuntungan dengan cara yang halal, berpada serta tidak menindas. Malah penegasan kepada Ihsan dibuat melalui penjenamaan program, iaitu EHSAN yang diambil daripada kata/istilah Ihsan (*Kamus Dewan*, 2010).

2009b(25)	Program EHSAN dilancarkan sebagai tanda komitmen Bank membantu pelanggan yang kehilangan pekerjaan akibat kemelut ekonomi. Skim ini menawarkan penangguhan bayaran ansuran selama 12 bulan kepada pelanggan pembiayaan rumah-i yang telah diberhentikan kerja dari 1 Julai 2008 akibat kemelesetan ekonomi semasa.
-----------	--

Data 2009b(25) menunjukkan bahawa BIMB melancarkan program yang dinamakan EHSAN untuk membantu pelanggan yang kehilangan pekerjaan akibat krisis ekonomi. Bantuan yang diberikan menerusi program tersebut ialah penangguhan bayaran balik pinjaman perumahan. Penangguhan ini bermakna peminjam tidak perlu membayar balik pinjaman untuk tempoh 12 bulan selepas diberhentikan kerja. Tempoh 12 bulan penangguhan tersebut membolehkan peminjam yang kehilangan pekerjaan menstruktur semula perbelanjaan bulanan selain berpeluang mencari pekerjaan baharu tanpa dipengaruhi oleh tekanan membayar balik pinjaman perumahan.

Penangguhan bayaran balik tersebut juga bermakna BIMB tidak menerima apa-apa pendapatan sepanjang tempoh penangguhan dilaksanakan yang seterusnya memberi kesan kepada keuntungan bank. Bank juga tidak mengenakan/menaikkan kadar faedah sepanjang tempoh penangguhan bayaran balik memandangkan parbankan Islam sememangnya

bebas daripada kadar faedah (riba). Pendekatan penangguhan bayaran balik pinjaman bagi peminjam yang kehilangan pekerjaan; pendapatan/keuntungan BIMB terganggu sepanjang tempoh penangguhan bayaran balik; dan tidak mengenakan kadar faedah (riba) merupakan sebahagian lagi terjemahan kepada konsep Ihsan. Ihsan menuntut agar pemodal/pengusaha mencari keuntungan dengan cara yang halal dan berpadu, serta menghindari amalan yang bersifat menindas seperti mengamalkan riba (faedah) dalam perniagaan.

Praktis sosial muamalat ini berlawanan dengan praktis sosial sistem ekonomi konvensional khususnya ekonomi kapitalis. Kapitalis melihat harta merupakan milik mutlak pemiliknya lantas orang lain tidak berhak untuk campur tangan atas pemilikan harta tersebut. Segala bentuk sumbangan yang dikeluarkan untuk kepentingan orang lain merupakan belas kasihan semata-mata dan sering digunakan sebagai strategi pemasaran untuk meningkatkan imej pemilik harta tersebut. Sistem ekonomi konvensional juga mengamalkan riba (faedah) dan monopoli. Kedua-dua pendekatan ini merupakan penyumbang terbesar kepada keuntungan bagi sesebuah perniagaan.

Namun apabila praktis sosial muamalat yang berlawanan dengan praktis sosial kapitalis berkembang dalam sistem ekonomi konvensional, maka berlaku perubahan serta penyesuaian antara kedua-dua praktis tersebut (Nor Mohamed Yakcop 1996). Dengan ihsan (kebaikan, kebajikan dan kemurahan hati) BIMB menawarkan perkhidmatan kepada pelanggan dilakukan dengan kedua-dua tujuan, iaitu atas kesedaran bahawa Allah sentiasa mengawasi amalan tersebut. Selain itu, cara ini juga dapat meningkatkan imej korporat yang merupakan sebahagian daripada strategi pemasaran.

Tujuan pertama, iaitu kebaikan, kebajikan dan kemurahan hati BIMB menawarkan perkhidmatan kepada pelanggan atas kesedaran bahawa Allah sentiasa mengawasi amalan tersebut terserlah apabila BIMB mengambil inisiatif meletakkan “amanah” sebagai Nilai Jenama Teras Kelima. Maksudnya, produk yang ditawarkan oleh BIMB berwibawa dan diyakini berlandaskan syariah 100 peratus. Malah kewujudan Majlis Pengawasan Syariah yang berperanan mengesahkan garis panduan produk, iklan pemasaran, ilustrasi jualan dan risalah yang berkaitan dengan produk, perkhidmatan dan aktiviti bank mematuhi syariah 100 peratus. Penyerlahan akan kesedaran bahawa Allah sentiasa mengawasi amalan tersebut.

Tujuan kedua, iaitu kebaikan, kebajikan dan kemurahan hati BIMB menawarkan perkhidmatan kepada pelanggan untuk meningkatkan imej korporat dan strategi pemasaran juga perlu memandangkan soal keuntungan masih lagi menjadi keutamaan. BIMB perlu bersaing dengan bank perdagangan lain dengan menawarkan produk yang digambarkan membawa lebih banyak manfaat kepada pelanggan untuk meningkatkan keuntungan. Tujuan ini pula terserlah melalui Nilai Jenama Teras Pertama BIMB, iaitu “pemimpin” yang membawa pengertian produk Islam BIMB menjadi tanda aras Industri Perbankan Islam di Malaysia mahupun pada peringkat antarabangsa. Perubahan serta penyesuaian ini dimanifestasi melalui perubahan penggunaan bahasa khususnya dari segi kata/istilah. Hal ini selaras dengan pendapat Fairclough (1992) yang menjelaskan bahawa perubahan sosial memberi kesan terhadap perubahan penggunaan bahasa khususnya dari segi kata/istilah untuk mendukung konsep baharu.

Ciri Tekstual: Leksikal

Analisis yang dilakukan terhadap 79 perenggan yang membentuk Teks Ulasan Operasi Pengarah Urusan BIMB 2009 mendapati kata/istilah baharu atau bukan lazim yang digunakan untuk mendukung perubahan sosioekonomi dapat dikategorikan kepada tiga, iaitu kata/istilah Melayu bukan lazim atau yang mengalami proses inovasi, kata/istilah Arab tulen, dan kata/istilah gabungan Melayu-Arab.

Kata/istilah Melayu Bukan Lazim

Kata/istilah Melayu yang digunakan untuk mendukung atau mengungkapkan perubahan sosioekonomi akibat perkembangan muamalat dalam kerangka sistem ekonomi konvensional merupakan kata/istilah Melayu yang mengalami proses inovasi. Kata/istilah tersebut ditunjukkan dalam Jadual 1.

Kehadiran serentak data 2009b(4) “cukai dan zakat” merupakan inovasi dari segi penggunaan kata/istilah yang membawa makna tertentu dalam wacana muamalat. “Cukai” merupakan kata/istilah Melayu yang merujuk sejumlah wang yang dibayar oleh individu atau perniagaan kepada kerajaan untuk tujuan awam (*Kamus Dewan*, 2010). Zakat pula berasal daripada kata/istilah pinjaman Arab yang telah diserap ke dalam

Jadual 1 Kata atau istilah Melayu bukan lazim.

Kata/Istilah Melayu	
No. Rujukan	Data
2009b(4)	cukai dan zakat
2009b(22)	Fi
2009b(24)	Simpanan-i Pelaburan-i
2009b(25)	Pembiayaan rumah-i
2009b(30)	Perbankan kemanusiaan
2009b(42)	Pembiayaan perniagaan-i
2009b(47)	Pembiayaan Modal Kerja Perniagaan-i
2009b(51)	Aku janji komoditi-i

bahasa Melayu. Zakat menurut Glosari Istilah Laporan Tahunan 2009 BIMB merupakan tanggungjawab agama yang menuntut orang Islam memberikan jumlah tertentu daripada harta kekayaan kepada golongan yang memerlukan. Yang berikut merupakan penggunaan data 2009b(4) dalam teks yang dianalisis;

- 2009b(4) Keuntungan sebelum cukai dan zakat:
- TK2007 – RM236.7 juta
 - TK2008 – RM308.3 juta (keuntungan tertinggi sejak penubuhan Bank Islam)
 - TK2009 – RM233.1 juta

Penggunaan data 2009b(4) dalam teks seperti yang diturunkan di atas menjelaskan bahawa muamalat berkembang dalam sistem ekonomi konvensional. Cukai merupakan amalan dalam sistem ekonomi konvensional yang juga dipraktiskan di negara ini. Di Malaysia Lembaga

Hasil Dalam Negeri (LHDN) merupakan agensi yang bertanggungjawab memungut cukai sama ada cukai pendapatan mahupun cukai perniagaan yang menjadi pendapatan bagi pemerintah atau kerajaan. Memandangkan BIMB ditubuhkan sebagai institusi perbankan yang menjalankan urusan niaga yang bermatlamatkan keuntungan, maka BIMB tertakluk kepada cukai keuntungan perniagaan seperti bank-bank konvensional yang lain.

Namun sebagai sebuah institusi perbankan Islam yang tertakluk pada syariah, maka kewajipan membayar zakat perniagaan perlu disempurnakan selaras dengan ketetapan Rukun Islam yang keempat. Jika LHDN bertanggungjawab memungut cukai keuntungan perniagaan, Pusat Pungutan Zakat (PPZ) yang terletak di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam pula bertanggungjawab memungut zakat perniagaan. Umum mengetahui bahawa zakat hanya diwajibkan kepada orang Islam atau kegiatan ekonomi yang berlandaskan syariah. Sementara orang bukan Islam yang menjalankan kegiatan ekonomi tidak tertakluk pada kewajipan berzakat. Tanggungjawab menjelaskan cukai pendapatan atau perniagaan merupakan tanggungjawab pemerintah atau kerajaan, sementara kewajipan menunaikan zakat pendapatan atau perniagaan merupakan kewajipan dalam mentaati perintah Allah.

Data 2009b(22) “fi” merupakan kata/istilah yang bukan lazim digunakan. Semakan yang dilakukan melalui *Kamus Dewan*, kata/istilah “fi” hanya dimasukkan dalam edisi keempat yang diterbitkan pada tahun 2010. Kata/istilah ini berasal daripada kata/istilah Inggeris, iaitu *fee* yang menurut *Oxford Compact Advanced learner’s English-Malay Dictionary* membawa maksud jumlah wang yang dibayar untuk nasihat atau perkhidmatan ikhtisas. Dalam teks yang dianalisis, data 2009b(22) ini digunakan seperti yang berikut;

2009b(22)	...Dengan tumpuan pada produk berpulangan tinggi seperti kad kredit dan pembiayaan peribadi serta produk yang menjana fi, Perbankan Pengguna mencatatkan jumlah hasil sebanyak RM602.8 juta...
-----------	--

Penggunaan data 2009b(22) seperti dalam petikan di atas menjelaskan bahawa “fi” merupakan sebahagian daripada pendapatan yang menjana keuntungan yang merujuk wang yang dibayar untuk nasihat atau perkhidmatan ikhtisas oleh BIMB kepada pelanggannya. Antara

perkhidmatan ikhtisas yang ditawarkan oleh BIMB yang dikenakan “fi” termasuklah perkhidmatan penulisan wasiat. Penulisan wasiat merupakan produk baharu yang ditawarkan melalui perbankan Islam serta berbeza dengan perkhidmatan penulisan wasiat oleh agensi/perbankan konvensional. Penulisan wasiat oleh BIMB tertakluk kepada pematuhan syariah. Kata/istilah “fi” digunakan untuk menjelaskan maksud bayaran yang dikenakan atas perkhidmatan penulisan wasiat atau perkhidmatan ikhtisas lain yang patuh syariah bagi dibezakan dengan bayaran perkhidmatan yang dikenakan oleh bank konvensional yang dirujuk sebagai “yuran” atau “caj perkhidmatan”.

Data 2009b(24) “Simpanan-i” dan “Pelaburan-i” juga merupakan kata/istilah yang bukan lazim digunakan. Kewujudan “-i” pada bahagian akhir perkataan “simpanan” dan “pelaburan” menjadikan kata/istilah tersebut bukan lazim digunakan dalam bahasa Melayu. Walaupun kewujudan akhiran “i” dalam bahasa Melayu adalah sesuatu yang lazim khususnya sebagai pengubah golongan kata apabila diimbuhkan kepada kata sifat, kata nama, dan kata partikel (Asmah Hj Omar 2009). Namun, bentuk “-i” pada bahagian akhir data 2009b(24) bukan merujuk akhiran memandangkan penulisan akhiran “i” tidak memerlukan tanda sempang (-). Tambahan pula, kehadiran bentuk “-i” pada bahagian akhir kata/istilah “simpanan” dan “pelaburan” tidak mengubah golongan kata tersebut dan masih kekal sebagai kata nama. Jika ditinjau dari segi penggunaan data 2009b(24) dalam teks seperti dalam contoh di bawah, menunjukkan “-i” membawa maksud Islam:

2009b(24)	Kami juga melancarkan Al-Awfar, satu produk deposit yang menggabungkan ciri-ciri tertentu akaun simpanan-i dan pelaburan-i Bank. Produk Inovatif yang berasaskan Mudharabah ini adalah yang pertama seumpamanya dalam perbankan Islam.
-----------	--

“Simpanan-i” dan “pelaburan-i” merujuk simpanan dan pelaburan Islam atau simpanan dan pelaburan yang berlandaskan syariah. Hal ini diperkukuh dengan penggunaan kata/istilah Mudharabah yang menurut Glosari Terma dalam Laporan Tahunan BIMB 2009 bermaksud suatu kontrak antara pemodal (*rabbul māl*) yang memberi 100 peratus modal untuk perniagaan dengan usahawan (*mudhārib*) yang menguruskan

perniagaan dengan menggunakan kepakarannya. Di bawah kontrak ini, keuntungan yang diperoleh akan dibahagikan antara mereka mengikut nisbah yang dipersetujui sebelumnya, sementara sebarang kerugian akan ditanggung sepenuhnya oleh pemodal. Walaupun pemodal menanggung kerugian dari segi modal, namun hakikatnya di bawah kontrak ini usahawan turut menanggung kerugian dari segi tenaga dan masa. Inilah keadilan yang menjadi asas kepada produk yang ditawarkan oleh perbankan Islam. Untuk membezakan simpanan dan pelaburan konvensional dengan simpanan dan pelaburan berlandaskan syariah yang berpegang kepada Mudharabah sebagai asasnya, maka digunakan kata/istilah simpanan-i dan pelaburan-i.

Begitu juga jika ditinjau data lain yang memiliki bentuk “-i” pada bahagian akhir kata/istilahnya, seperti data 2009b(25) “Pembiayaan Rumah-i”, data 2009b(42) “Pembiayaan Perniagaan-i”, data 2009b(47) “Pembiayaan Modal Kerja Perniagaan-i” dan data 2009b(51) “Aku Janji Komoditi-i”. Bentuk “-i” yang hadir pada bahagian akhir kata/istilah data merujuk Islam yang membawa maksud urus niaga berlandaskan syariah. Hal ini boleh disahkan dengan merujuk kembali penggunaan data tersebut dalam teks asalnya, iaitu seperti yang berikut:

- | | |
|-----------|--|
| 2009b(25) | Program EHSAN dilancarkan sebagai tanda komitmen Bank membantu pelanggan yang kehilangan pekerjaan akibat kemelut ekonomi. Skim ini menawarkan penangguhan bayaran ansuran selama 12 bulan kepada pelanggan pembiayaan rumah-i yang telah diberhentikan kerja dari 1 Julai 2008 akibat kemelesetan ekonomi semasa. |
|-----------|--|

Dalam data 2009b(25) “pembiayaan rumah-i” merupakan produk pembiayaan (pinjaman) pembelian rumah berlandaskan Syariah. Di bawah program EHSAN, produk “pembiayaan rumah-i” menawarkan skim penangguhan bayaran balik pinjaman sehingga 12 bulan kepada pelanggan (peminjam) yang telah diberhentikan kerja akibat kemelesetan ekonomi 2008. Carian dalam *Kamus Dewan* (2010) tidak menemui kata/istilah “EHSAN” dan hanya menemui kata/istilah “ihlan”. Ini memberi gambaran EHSAN berasal daripada Ihsan dengan penggantian fon “i” kepada “E”. Walaupun berlaku inovasi kepada ejaan, EHSAN masih mendukung maksud kebaikan, kebajikan dan kemurahan hati, dan terbukti

apabila EHSAN menawarkan penangguhan bayaran balik sehingga 12 bulan kepada pelanggan (peminjam) yang diberhentikan kerja sebagai tanda komitmen BIMB membantu pelanggan yang kehilangan pekerjaan. Ihsan (EHSAN) ini pula merupakan teras kepada produk perbankan Islam dan tertanam dalam “pembiayaan rumah-i”. Untuk membezakan pembiayaan rumah konvensional dengan pembiayaan rumah berlandaskan syariah, diletakkan bentuk “-i” pada akhir kata/istilah “pembiayaan rumah-i”.

Jika ditinjau pula penggunaan data 2009b(47) seperti dalam teks yang diturunkan di bawah, kehadiran bentuk “-i” pada bahagian akhir kata/istilah “Pembiayaan Modal Kerja Perniagaan-i” turut menjelaskan produk yang berlandaskan syariah.

2009b(47)	Bagi mengekalkan daya saingnya, unit Perkhidmatan Perdagangan antara lain akan menyediakan aplikasi dalam talian yang selamat; membangunkan Surat Kredit-Pembiayaan Modal Kerja Perniagaan-i (LC TWCF-i) dengan menggunakan kontrak <i>Istisna'</i> untuk melengkapi transaksi LC berasaskan <i>Murabahah</i> ;
-----------	---

Hal boleh dibuktikan apabila produk “Pembiayaan Modal Kerja Perniagaan-i” dikaitkan dengan kontrak *Istisna'*. Menurut Glosari Istilah yang terkandung dalam bahagian akhir Laporan Tahunan BIMB 2009, *Istisna'* dari segi syarak membawa maksud satu kontrak pesanan (tempahan) belian yang membenarkan pembeli mengarahkan penjual membina aset mengikut spesifikasi yang terdapat dalam kontrak pembelian untuk diserahkan pada satu tarikh masa depan tertentu. Penyelesaian harga pembelian itu menurut terma dan syarat yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Kontrak ini membolehkan pembeli membeli barang-barang mengikut rupa, bentuk, jenis dan fesyen yang disukai tanpa terikat dengan pembelian secara tunai. Dalam kes Surat Kredit “Pembiayaan Modal Kerja Perniagaan-i”, pembeli (pengusaha) berhak meminta penjual (pengeluar/pengilang) untuk menyediakan barang atau aset (jentera atau bangunan) berdasarkan spesifikasi yang dikehendakinya. Bayaran kepada pengeluar/pengilang akan dibuat oleh BIMB, dan proses pembayaran

balik pinjaman dalam bentuk Surat Kredit tertakluk pada syarat dan terma yang dipersetujui oleh pembeli (pengusaha) dengan bank.

Hal ini bermakna kontrak *Istisna'* yang asalnya digunakan untuk pembelian barangan berasaskan tempahan (antara pengusaha dengan pengilang), turut digunakan untuk perkhidmatan yang bercorak pemberian pinjaman untuk membeli barangan berdasarkan tempahan (antara pengusaha, bank dan pengilang). Perkaitan antara "Pembiayaan Modal Kerja Perniagaan-i" dengan kontrak *Istisna'* yang patuh Syariah menggambarkan bentuk "-i" pada bahagian akhir kata/istilah "Pembiayaan Modal Kerja Perniagaan-i" merujuk produk berlandaskan Islam atau produk yang patuh syariah.

Jika dirujuk kembali data yang telah dibincangkan, iaitu data 2009b(24) Simpanan-i dan Pelaburan-i, data 2009b(25) Pembiayaan rumah-i, dan data 2009b(47) Pembiayaan Modal Kerja Perniagaan-i, kesemua data tersebut dikaitkan dengan kata/istilah seperti Mudharabah, EHSAN (Ihsan), dan *Istisna'* yang merupakan istilah muamalat dalam bahasa sumbernya, iaitu bahasa Arab. Perkaitan tersebut menjadi asas interpretasi bentuk "-i" pada bahagian akhir data 2009b(24), 2009b(25) dan 2009b(47) merujuk Islam atau produk patuh syariah. Namun, bagi data 2009b(42) Pembiayaan Perniagaan-i, penggunaannya dalam teks seperti yang diturunkan di bawah tidak menunjukkan data tersebut dikaitkan dengan apa-apa kata/istilah muamalat.

2009b(42)	Perbankan Korporat melancarkan Pembiayaan Perniagaan-i, satu produk baharu yang lebih fleksibel untuk pelanggan dalam memenuhi keperluan pembiayaan mereka yang tersendiri.
-----------	---

Interpretasi bentuk "-i" pada bahagian akhir kata/istilah Pembiayaan Perniagaan-i merujuk Islam atau produk patuh syariah, dibuat bersandarkan interpretasi data sebelumnya yang memiliki bentuk yang serupa. Berlainan pula halnya dengan data 2009b(51) Aku Janji Komoditi-i. Walaupun dari segi penggunaannya dalam teks (seperti yang diturunkan di bawah) tidak dikaitkan dengan apa-apa kata/istilah muamalat daripada bahasa sumbernya, iaitu bahasa Arab. Namun, dalam mengungkapkan inisiatif yang diambil serta kejayaan yang dicapai oleh BIMB di bawah tema "Langkah Kemajuan Bagi Masa Hadapan", dinyatakan dengan jelas

bahawa BIMB telah dipilih oleh Bank Negara Malaysia (bank pusat yang mengawal selia perjalanan operasi bank perdagangan). BIMB sebagai Peniaga Utama Islam pertama di Malaysia dan satu-satunya bank Islam sepenuhnya.

2009b(51) Sepanjang tahun kewangan ini, Aku Janji Komoditi-i dan suatu perkhidmatan pelanggan baharu (perkembangan berita pasaran harian terkini melalui SMS) diperkenalkan. Selain itu, Bank Islam dipilih sebagai salah satu Peniaga Utama Islam pertama di Malaysia dan (satu-satunya bank Islam sepenuhnya) oleh Bank Negara Malaysia pada 1 Julai 2009.

Memandangkan BIMB diiktiraf oleh Bank Negara Malaysia sebagai peniaga utama Islam dan satu-satunya bank Islam sepenuhnya, dan disokong pula oleh interpretasi ke atas bentuk “-i” terhadap beberapa data sebelumnya, maka tidak boleh disangkal bahawa bentuk “-i” pada bahagian akhir data 2009b(51) Aku Janji Komoditi-i turut merujuk Islam atau produk patuh Syariah yang ditawarkan oleh BIMB.

Kata/Istilah Arab tulen

Selain kata/istilah Melayu bukan lazim, kata/istilah Arab juga turut digunakan untuk mendukung perubahan praktis sosioekonomi yang berlaku akibat perkembangan muamalat dalam sistem ekonomi konvensional. Menariknya kata/istilah Arab yang digunakan merupakan kata/istilah Arab tulen yang belum diserap ke dalam bahasa Melayu seperti yang dimuatkan dalam Jadual 2.

Semakan yang dilakukan melalui *Kamus Dewan* (2010) tidak menemui kata/istilah tersebut sebagai entrinya, malah Glosari Istilah dimuatkan dalam bahagian akhir Laporan Tahunan BIMB 2009 bagi menjelaskan maksud kata/istilah Arab yang digunakan. Namun bagi data 2009b(24a) Al Awfar dan An Najah, semakan dilakukan terhadap *Kamus Idris Al Marbawi* untuk memahami makna data tersebut.

Data 2009b(24a) Al Awfar menurut *Kamus Idris Al Marbawi* membawa makna lebih baik atau lebih mewah. Namun, berdasarkan Laman

Jadual 2 Kata/istilah Arab tulen.

Kata/Istilah Arab	
No. Rujukan	Data
2009b(24a)	Al-Awfar Mudharabah An Najah-NID-i
2009b(47)	Murabahah
2009b(50)	Sukuk

Web BIMB, khususnya pada ruangan “Sepintas Lalu Produk Deposit Perbankan Peribadi”, Al Awfar membawa maksud pelaburan mewah yang menggabungkan akaun simpanan dan pelaburan yang unik. Jika ditinjau pula penggunaan data 2009b(24a) dalam teks seperti yang diturunkan di bawah, Al Awfar merupakan produk deposit yang menggabungkan ciri tertentu dua akaun, iaitu akaun simpanan dan akaun pelaburan yang berlandaskan Syariah.

- 2009b(24a)
- Kami juga melancarkan Al-Awfar, suatu produk deposit yang menggabungkan ciri-ciri tertentu akaun simpanan-i dan pelaburan-i Bank. Produk inovatif yang berasaskan Mudharabah ini adalah yang pertama seumpamanya dalam perbankan Islam. Produk ini memberi peluang kepada pemegang akaun untuk memenangi wang tunai sehingga RM100,000 pada setiap suku tahun . Ini membolehkan pemegang akaun menyimpan dan pada masa yang sama, memperoleh keuntungan daripada pelaburan yang dibuat. Produk inovatif lain adalah An-Najah NID-i – produk pelaburan berstruktur pertama kami yang bertemakan penjagaan

kesihatan. Produk ini membolehkan pelanggan menikmati pulangan yang lebih tinggi sementara modal permulaannya pula dilindungi. Respons yang diberi kepada An-Najah NID-i amat memberangsangkan di mana ia berjaya menarik sejumlah RM353.0 juta dalam tempoh empat minggu selepas pelancaran.

Pelaburan mewah yang dimaksudkan di sini ialah produk deposit Al Afwar bukan sahaja berperanan sebagai akaun simpanan tetapi dalam masa yang sama merupakan akaun pelaburan yang memberi peluang kepada pendeposit memenangi wang tunai sehingga RM 100,000.00 melalui cabutan hadiah pada setiap bulan dan setiap suku tahun. Kata/istilah Al Afwar digunakan bukan sahaja untuk menggambarkan produk yang ditawarkan bersifat mewah kerana membawa keuntungan berganda, tetapi juga untuk menggambarkan cabutan hadiah yang ditawarkan kepada pendeposit mematuhi syariah, iaitu bebas daripada unsur riba, ketidakpastian dan perjudian.

Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, semasa menghurai data 2009b(24) simpanan-i dan pelaburan-i, Glosari Terma Laporan Tahunan BIMB 2009 menjelaskan Mudharabah bermaksud suatu kontrak antara pemodal (*rabbul māl*) yang memberi 100 peratus modal untuk perniagaan dengan usahawan (*mudhārib*) yang menguruskan perniagaan dengan menggunakan kepakarannya. Di bawah kontrak ini, keuntungan yang diperoleh akan dibahagikan antara mereka mengikut nisbah yang dipersetujui sebelumnya. Sebarang kerugian akan ditanggung sepenuhnya oleh pemodal. Walaupun pemodal menanggung kerugian dari segi modal, namun hakikatnya di bawah kontrak ini usahawan turut menanggung kerugian dari segi tenaga dan masa. Dalam kes produk deposit Al Afwar, pemodal ialah pendeposit, sementara pihak bank merupakan usahawan yang melaburkan modal pendeposit ke dalam pelaburan patuh syariah yang menguntungkan. Keuntungan pula akan dibahagikan berdasarkan nisbah tertentu yang dipersetujui bersama seperti 70:30 yang bermaksud bank akan memperoleh 70 peratus manakala pemodal akan menikmati 30 peratus keuntungan hasil daripada pelaburan. Oleh sebab kontrak yang dimeterai antara pendeposit dengan bank merupakan kontrak yang patuh syariah, dan pelaburan yang dilaksanakan juga merupakan pelaburan

patuh syariah, maka istilah/kata *Mudharabah* digunakan secara langsung untuk mendukung konsep tersebut.

Data 2009b(24a) *An Najah* pula diterjemahkan sebagai kejayaan atau kemajuan menurut *Kamus Idris Al Marbawi*. Namun berdasarkan penggunaannya dalam teks seperti yang telah ditunjukkan, kata/istilah *An Najah* digunakan untuk nama salah satu produk pelaburan yang ditawarkan oleh BIMB. Menurut carian di Laman Web BIMB, *An Najah NID-i* merupakan Instrumen Deposit Boleh Niaga Islam (NID-i). Produk ini menawarkan pelabur satu Pelaburan Berstruktur Islam yang memberi jaminan perlindungan modal sepanjang tempoh tiga tahun pelaburan matang, di samping potensi pulangan tinggi yang dihubungkan dengan indeks saham yang meliputi 30 saham tertinggi global. Produk pelaburan ini juga menjanjikan potensi pulangan tinggi dalam kalangan industri penjagaan kesihatan dan perkhidmatan pengguna yang terdiri daripada 2400 saham sedunia. Yang bermakna, faedah bakal diterima oleh pelabur seperti jaminan perlindungan modal, potensi pulangan yang tinggi indeks saham, dan potensi pulangan tinggi penjagaan kesihatan, diterjemah sebagai kejayaan atau kemajuan pelabur. Situasi ini digambarkan dengan kata/istilah, iaitu *An Najah NID-i*.

Data 209b(47) *murabahah* pula digunakan dalam teks seperti yang ditunjukkan di bawah bagi menjelaskan bahawa transaksi Surat Kredit (LC) oleh BIMB berlandaskan konsep *murabahah*.

2009b(47)	Bagi mengekalkan daya saingnya, unit Perkhidmatan Perdagangan antara lain akan menyediakan aplikasi dalam talian yang selamat; membangunkan Surat Kredit-Pembiayaan Modal Kerja Perniagaan-I (LC TWCF-i) dengan menggunakan kontrak <i>Istisna'</i> untuk melengkapi transaksi LC berasaskan <i>Murabahah</i> ; dan membangunkan kemudahan pembiayaan pelbagai mata wang.
-----------	---

Berdasarkan Glosari Istilah Laporan Tahunan 2009 BIMB, *murabahah* ditakrifkan sebagai kaedah jual beli yang membolehkan penjual menjual sesuatu produk pada harga modal serta tambahan sejumlah keuntungan yang dipersetujui bersama antara penjual dengan pembeli. Sebagai contoh, BIMB membeli kereta Proton Saga FL daripada PROTON pada harga

RM45 000 dan menjual kembali kereta tersebut kepada pelanggan dengan harga kos RM45 000 dan tambahan untung sebanyak RM5000. Hal ini menjadikan harga akhir kereta tersebut berjumlah RM50 000. Harga kos, tambahan untung, dan harga akhir kereta tersebut saling diketahui dan dipersetujui antara BIMB dan pelanggan. Dalam kes transaksi Surat Kredit, pembelian produk oleh pembeli daripada penjual melibatkan bank sebagai pihak ketiga yang mengeluarkan Surat Kredit, melalui proses yang serupa. Bayaran balik pinjaman bank melalui Surat Kredit dibuat oleh peminjam bukan sahaja berlandaskan harga kos barang tetapi juga setelah mengambil kira harga tambahan keuntungan bank. Transaksi yang agak kompleks ini mendorong kata/istilah *murabahah* digunakan.

Data 2009b(50) sukuk pula dirujuk sebagai surat jaminan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan atau syarikat yang membuktikan pemilikan aset semasa oleh Glosari Istilah Laporan Tahunan 2009 BIMB. Dalam sistem ekonomi konvensional surat jaminan ini dikenali sebagai bon. Jika ditinjau penggunaan data 2009b(50) sukuk dalam teks di bawah, jelas menunjukkan sukuk digandingkan dengan pasaran konvensional menggunakan kata hubung “dan”.

2009b(50)	Pada tahun kewangan ini, Bank Islam menjadi pengurus bagi Program Nota Bertempoh Sederhana Islam (IMTN) terbitan Badan Pelaburan Terengganu bernilai RM5.0 bilion. Terbitan mercu tanda 30-tahun ini telah mendapat pengiktirafan sebagai bon bertempoh matang paling lama bagi Sukuk dan pasaran konvensional di Malaysia. Perbendaharaan menandatangani perjanjian opsyen bagi ekuiti berasaskan Syariah yang pertama untuk Bank Islam.
-----------	---

Kata hubung “dan” menurut Asmah Hj Omar (2009) membawa makna wajaran yang setara antara kedua-dua elemen yang dirujuk, iaitu sukuk dan pasaran konvensional menjadikan urus niaga kedua-dua elemen tersebut berjalan serentak. Sukuk diurus niaga dalam pasaran kewangan Islam sementara bon diurus niaga dalam pasaran konvensional walaupun kedua-duanya merupakan surat jaminan pemilikan aset. Urus niaga dilakukan dalam dua sistem kewangan yang berbeza kerana sukuk

distruktur berdasarkan prinsip syariah dan bebas daripada faedah (riba), sementara urus niaga bon dalam pasaran konvensional melibatkan faedah. Perbezaan ini menyebabkan surat jaminan yang berasaskan syariah dirujuk dengan kata/istilah sukuk bagi membezakan dengan bon.

Kata/istilah Gabungan Melayu-Arab

Di samping penggunaan kata/istilah Melayu yang mengalami inovasi dan kata/istilah Arab tulen dalam teks berbahasa Melayu wacana muamalat, kewujudan kata/istilah gabungan Melayu-Arab juga dapat dikesan bagi mendukung perubahan sosioekonomi yang berlaku ekoran perkembangan muamalat dalam sistem kewangan konvensional. Walaupun hanya satu data yang dapat dikesan, namun kewujudannya jelas menggambarkan bahawa perubahan sosioekonomi membawa kesan langsung kepada perubahan penggunaan bahasa. Data yang dimaksudkan dijelaskan dalam Jadual 3.

Data 2009b(47a), *Istisna'* dijelaskan menurut *Glosari Istilah Laporan Tahunan BIMB 2009* sebagai kontrak pesanan (tempahan) belian, iaitu pembeli mengarahkan penjual membina aset mengikut spesifikasi yang terdapat dalam kontrak pembelian untuk diserahkan pada satu tarikh masa depan tertentu. Penyelesaian harga pembelian itu menurut terma dan syarat yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Kontrak ini membolehkan pembeli membeli barang-barang mengikut rupa, bentuk, jenis dan fesyen yang disukai tanpa terikat dengan pembelian secara tunai. Namun kata/istilah lengkap dalam bahasa Arab bagi data 2009b(47a) ialah *Bā' Istisnā'* yang menurut *Kamus Idris Al Marbawi* *Bā'* membawa maksud satu kontrak jual beli, sementara *Istisnā'* membawa maksud pesanan (tempahan) belian. Justeru untuk mengungkapkan kontrak pesanan (tempahan) belian maka

Jadual 3 Kata/istilah gabungan Melayu Arab.

Kata/Istilah Arab	
No. Rujukan	Data
2009b(47)	Kontrak Istisna'

sewajarnya digunakan kata/istilah Baī *Istisnā'*. Namun, jika diperhatikan penggunaan data 2009b(47a) seperti dalam teks yang diturunkan di bawah, didapati bahawa kata/istilah Baī telah digugurkan dan digantikan dengan kata/istilah kontrak, dan seterusnya diikuti pula dengan kata/istilah *Istisnā'*.

- 2009b(47) Bagi mengekalkan daya saingnya, unit Perkhidmatan Perdagangan antara lain akan menyediakan aplikasi dalam talian yang selamat; membangunkan Surat Kredit-Pembiayaan Modal Kerja Perniagaan-i (LC TWCF-i) dengan menggunakan kontrak *Istisna'* untuk melengkapi transaksi LC berasaskan *Murabahah*; dan membangunkan kemudahan pembiayaan pelbagai mata wang.

Keadaan ini akhirnya membentuk kata/istilah campuran Melayu-Arab, yang mana kontrak merupakan kata/istilah Melayu (yang diserap daripada kata/istilah Inggeris contract) dan *Istisnā'* merupakan kata/istilah Arab tulen. Klausula “Surat Kredit-Pembiayaan Modal Kerja Perniagaan-i (LC TWCF-i) dengan menggunakan kontrak *Istisna'* untuk melengkapi transaksi LC berasaskan *Murabahah*”, boleh juga ditulis sebagai “Surat Kredit-Pembiayaan Modal Kerja Perniagaan-i (LC TWCF-i) dengan menggunakan Baī *Istisna'*” untuk melengkapi transaksi LC berasaskan *Murabahah*, tanpa mengubah maksud sebenar klausula tersebut. Namun, memandangkan kata/istilah kontrak telah lazim digunakan dalam urusan niaga perbankan, maka kata/istilah tersebut dikekalkan dan digandingkan dengan *Istisnā'* yang merupakan pendekatan patuh syariah dalam urusan niaga yang melibatkan pesanan (tempahan) belian. Hal ini yang disebut oleh Nor Mohamed Yacop (1996) sebagai penyesuaian antara pendekatan muamalat dengan sistem kewangan konvensional.

Hubungan Dialektikal antara Praktis Sosial dengan Ciri Leksikal

Hubungan antara praktis sosial dengan wacana ialah hubungan dialektikal atau hubungan timbal balas. Dalam perkataan lain, praktis sosial mempengaruhi pembentukan wacana. Dari sudut yang lain, wacana turut berperanan memperteguh praktis sosial (Fairclough dan Wodak: 1997).

Ciri leksikal wacana muamalat berbahasa Melayu yang mengandungi kata/istilah Melayu bukan lazim, kata/istilah Arab tulen, dan kata/istilah gabungan Melayu-Arab dipengaruhi praktis sosial muamalat, iaitu Ihsan.

Seperti yang telah dibincangkan di bawah subjudul Praktis Sosial Wacana Muamalat, Ihsan membawa pengertian kebaikan, kebajikan dan kemurahan hati atas kesedaran bahawa Allah Maha Mengetahui amalan hamba-Nya. Kebaikan, kebajikan dan kemurahan hati tersebut diterjemah dengan cara menunaikan hak orang lain terhadap harta yang dimiliki selain mencari keuntungan dengan cara yang halal, berpeda serta menghindari amalan yang bersifat menindas seperti riba. Ihsan ini pula bertentangan dengan praktis sosial ekonomi konvensional yang antara lain mengamalkan riba dan monopoli sebagai pendekatan memperoleh keuntungan. Keuntungan dalam bentuk material merupakan matlamat tertinggi ekonomi konvensional.

Apabila muamalat berkembang dalam sistem ekonomi konvensional, muamalat perlu menonjolkan praktis sosialnya, iaitu Ihsan. Hal ini menyebabkan kata/istilah Melayu distruktur semula untuk membezakan dengan praktis ekonomi konvensional. Sebagai contoh simpanan dan pelaburan merupakan kata/istilah Melayu yang digunakan dalam sistem ekonomi konvensional. Untuk menegaskan muamalat mendukung praktis sosial Ihsan serta tertakluk pada konsep patuh syariah agar berbeza daripada praktis ekonomi konvensional, kata/istilah simpanan-i dan pelaburan-i digunakan. Penggunaan kata/istilah simpanan-i dan pelaburan-i akan memperteguh bahawa kedua-dua aktiviti muamalat tersebut mendukung makna Ihsan serta konsep patuh syariah. Begitu juga dengan penggunaan kata/istilah Arab. Memandangkan bahasa Arab merupakan bahasa sumber muamalat, maka konsep baharu yang mendukung makna Ihsan menggunakan secara langsung kata/istilah Arab. Sebagai contoh, kata/istilah sukuk yang juga dikenali sebagai bon dalam ekonomi konvensional. Oleh sebab surat jaminan yang dikeluarkan dalam sistem muamalat tertakluk pada konsep patuh syariah serta mendukung pengertian Ihsan, maka kata/istilah sukuk digunakan bagi membezakan dengan kata/istilah bon yang digunakan dalam sistem ekonomi konvensional. Penggunaan kata/istilah sukuk bukan sahaja mendukung praktis sosial Ihsan tetapi juga akan memperteguh praktis sosial tersebut. Begitu juga halnya dengan penggunaan kata/istilah gabungan Melayu-Arab kontrak *Istisna'* yang bukan sahaja mendukung, tetapi dalam masa yang sama memperteguh praktis sosial Ihsan. Hal inilah yang disebut sebagai hubungan dialektikal

MOHAMAD FITRI MOHAMAD YUSOFF DAN ZAITUL AZMA ZAINON HAMZAH
atau hubungan timbal balas antara praktis sosial Ihsan dengan ciri leksikal
wacana muamalat.

KESIMPULAN

Perbincangan dalam makalah ini bertolak daripada praktis sosial muamalat yang berkembang dalam kerangka ekonomi konvensional, iaitu Ihsan. Praktis sosial muamalat ini didapati telah mempengaruhi penggunaan bahasa khususnya dari segi penggunaan kata/istilah. Hasilnya ditemui kata/istilah Melayu bukan lazim, kata/istilah Arab tulen, serta kata/istilah gabungan Arab-Melayu dalam Teks Ulasan Operasi Pengarah Urusan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) versi bahasa Melayu. Hal ini bermakna penggunaan kata/istilah Melayu bukan lazim, kata/istilah Arab tulen, serta kata/istilah gabungan Arab-Melayu bukan dibuat secara bebas, tetapi bertujuan mendukung dan memperteguh konsep Ihsan yang merupakan praktis sosial muamalat.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar, 2009. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fairclough, Norman, 1989. *Language and Power*. London: Longman.
- Fairclough, Norman, 1992. *Discourse and Social Change*. Cambridge: Polity Press.
- Fairclough, Norman, 1995a. *Critical Discourse Analysis: The Critical Study of Language*. London: Longman.
- Fairclough, Norman, 1995b. *Media Discourse*. United Kingdom: Hodder Education.
- Fairclough, N. & Wodak, R., 1997. "Critical Discourse Analysis" dlm. Van Dijk *Discourse As Social Interaction*. London: Sage Publication Ltd.
- Haron Din dan rakan-rakan, 1988. *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Idris Aman, 2006. *Bahasa dan Kepimpinan: Analisis Wacana Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Joseph Nnabugwu, 2011. *Analyzing a Common Word Between Us Muslims and You Christians*. Bloemington USA: Xlibris Corporation.
- Kamila Ghazali, 1999. *"A Critical Discourse Analysis of the Speeches of Dr.*

- Mahathir Mohamad.*” Tesis Ph.D. Universiti Malaya.
- Kamus Dewan*, 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Margaret Kettle, 2005. “Critical Discourse Analysis and Hybrid Texts: Analysing English As A Second Language (ESL).” Tesis Ph.D. The University of Queensland, Australia
- Md. Asham Ahmad, 2010. “Kalimah Allah: Antara Nama dan Hakikat.” Kertas Kerja Muzakarah Pakar IKIM 21 Januari 2010.
- Muhammad Idris Abdul Rauf. *Kamus Idris al-Marbawi*. Singapura: Pustaka Nasional Singapura.
- Muhammad Idris Abdul Rauf, 1998. *Kamus Idris Al Marbawi*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Munif Zariruddin Fikri B. Nordin, 2009. “*Bahasa Kemimpinan Rasulullah S.A.W: Analisis Wacana Khutbah Ghazawat al-Rasul.*” Tesis Ph.D. Universiti Malaya.
- Nor Mohamed Yacobi, 1996. *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ruslan Zainuddin, 2010. *Kenegaraan Malaysia*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Yusuf Al-Qardhawi, 2012. *Ciri-ciri Unggul Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Seribu Dinar Sdn. Bhd.
- Zotzmann, Karin, 2007. “*Educating For The Future: A Critical Discourse Analysis of The Field of Intercultural Business Communication*”. Tesis Ph.D. Lancaster University.